

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 12 FEBRUARI 2016 (JUMAAT)

Bil	Tajuk	Akhbar
1	CSM terima 10,000 laporan ancaman keselamatan setahun	Berita Harian
2	10,000 kes jenayah siber dicatatkan setiap tahun	Utusan Malaysia
3	About 10,000 cyber crime cases reported each year – CyberSecurity Malaysia	Bernamea.com
4	10,000 cyber crime cases a year	The Sun
5	Graduan jadi pencipta, pengeluar produk seni	Berita Harian
6	Heavy rains in the south, warm up north until April	The Star

CSM terima 10,000 laporan ancam keselamatan setahun

Kuala Lumpur: CyberSecurity Malaysia (CSM) menerima purata 10,000 laporan setahun berkaitan insiden keselamatan siber sejak lima tahun lalu, termasuk penipuan, perisian perosak, cubaan mencerooboh sistem dan buli siber.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Dr Amirudin Abdul Wahab, berkata perkembangan itu membimbangkan kerana ia menunjukkan jenayah siber semakin meningkat dan semua pihak terdedah kepada ancaman itu berikutan keberangkatan tinggi terhadap teknologi komunikasi dan maklumat (ICT) dalam pelbagai urusan.

"Jadi, orang ramai perlu lebih berhati-hati dalam urusan membabitkan penggunaan ICT, segera laporkan insiden ancaman siber kepada CSM kerana jika bukti jenayah siber

dihapuskan, ia akan menyulitkan proses siasatan. Laporan boleh dibuat menerusi cyber999@cybersecurity.my atau talian 1-300-882-999.

Kes disiasat

"Kes dilapor menerusi talian siber akan disiasat sebelum bukti diserahkan kepada pihak berkuasa berkaitan untuk tindakan, termasuk pendakwaan mengikut Akta Hasutan bagi kes fitnah siber. Ancaman atau insiden keselamatan siber perlu dilaporkan segera kerana bukti jenayah siber mudah dihapuskan," katanya.

Beliau berkata demikian selepas majlis menandatangani memorandum perjanjian bagi mengukuhkan usaha membantaras ancaman siber dengan membangunkan teknologi analisis data raya bagi ak-



Amirudin Abdul Wahab

tiviti forensik digital dalam jumlah data yang besar di antara Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan CSM, di sini semalam.

Mengulas gesaan supaya kerajaan segera meminda akta bagi menyekat kegiatan buli

siber seperti dilaporkan BH, beliau berkata, buli atau fitnah siber disifatkan ancaman kategori kandungan yang didorong niat jahat pelaku untuk memalu atau menjatuhkan maruah mangsa.

Katanya, lebih 60,000 kes dilaporkan setakat ini menerusi talian siber Cyber999 yang diwujudkan sejak tahun 1997 dengan kes paling tinggi membabitkan penipuan, perisian perosak dan pencerobohan sistem.

"CSM turut membukukan kisah benar kes dilaporkan menerusi penerbitan berjudul Cyber999 sebagai panduan bagi mengelak lebih ramai tertipu dengan taktik licik penjenayah siber. Kerjasama dengan pelbagai pihak, termasuk sektor perbankan dan universiti, termasuk UTM turut dijalinkan," katanya.

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 21
TARIKH : 12 FEBRUARI 2016 (JUMAAT)

10,000 kes jenayah siber dicatatkan setiap tahun

KUALA LUMPUR 11 Feb. - Kadar jenayah siber kini berada pada tahap membimbangkan apabila sebanyak 10,000 kes dilaporkan berlaku setiap tahun di negara ini dengan nilai kerugian pada tahun lepas sahaja mencecah RM2.7 juta antaranya melibatkan kes penipuan dalam talian dan pencerobohan sistem komputer.

Ketua Pegawai Eksekutif Cyber-Security Malaysia (CSM), Dr. Amirudin Abdul Wahab walau bagaimanapun berkata, jumlah kerugian pada tahun lepas itu menunjukkan penurunan berbanding tahun 2014 dengan catatan kerugian sebanyak RM3.5 juta.

Katanya, penurunan itu adalah hasil kerja keras pihaknya yang membangunkan pelbagai sistem dan kaedah bagi mengatasi masalah itu.

“Sejak penubuhan CSM pada tahun 1997, kita telah mengendalikan sebanyak 60,000 kes membabitkan kerugian sebanyak RM45 juta. Ini satu jumlah yang sangat besar disebabkan kepesatan teknologi maklumat.

“Oleh sebab itu kami mempunyai hubungan yang rapat dengan semua agensi keselamatan dan penguatkuasaan seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia

(SPRM) supaya kita dapat serahkan semua data dan bukti untuk proses pendakwaan,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika menghadiri majlis memeterai memorandum perjanjian (MoA) antara Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan CSM di sini hari ini.

Perjanjian itu merupakan jalinan kerjasama kedua belah pihak dengan peruntukan RM2.28 juta untuk pembangunan teknologi analisis data dan analisis forensik bagi mengurangkan ancaman keselamatan siber di negara ini.

Yang turut hadir Naib Canselor UTM, Prof. Datuk Ir. Dr. Wahid Omar.

